BH 3/8/23 p14

Hanya satu ujian teori untuk ambil lesen memandu

Putrajaya: Individu yang ingin mendapatkan lesen kereta atau motosikal hanya perlu menduduki satu ujian teori, berkuat kuasa 15 September ini.

Peraturan ini dijangka memanfaatkan orang ramai kerana mereka tidak perlu lagi menduduki satu lagi kelas enam jam untuk dapatkan lesen lain.

Langkah itu dijangka memberi penjimatan sebanyak RM100 kepada orang ramai.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata mengikut peraturan sedia ada, sesiapa yang ingin memperoleh lesen motosikal dan lesen kereta secara berasingan perlu menduduki dua ujian teori.

Katanya, ketetapan baharu mengenai bahagian pembelajaran iaitu Kursus Teori Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP01) itu untuk memudahkan pengambilan Lesen Memandu Malaysia, khususnya kepada generasi muda.

"Berkuat kuasa 15 September 2023, mana-mana individu yang pada masa ini mempunyai sama ada Lesen Memandu Malaysia kelas motosikal atau motokar dan berhasratkan Lesen Memandu Malaysia dalam kelas yang berbeza, dikecualikan daripada menghadiri Kursus KPP01 dan Ujian Teori KPP01.

"Sebagai contoh, seseorang yang sudah lulus ujian KPP01 (Teori) dalam lesen memandu motosikal tidak perlu menduduki KPP01 untuk kali kedua apabila mengambil lesen memandu motokar," katanya semalam.

Loke bagaimanapun berkata, calon masih wajib menjalani latihan dan menduduki ujian praktikal di Litar (KPP02) dan Praktikal di Jalan Raya (KPP03) secara berasingan apabila mengambil Lesen Memandu Malaysia motosikal dan motokar.

Bantu jimat kos

Jelasnya, individu terbabit hanya perlu memperbaharui semula Lesen Belajar Memandu (LDL) dan seterusnya mendaftar di institut memandu untuk melengkapkan latihan serta ujian di peringkat KPP02 dan KPP03 dan syarat kelayakan umur bagi motosikal kekal pada usia 16 tahun ke atas, manakala bagi motokar pada usia 17 tahun.

"Kementerian menjangka dengan pelaksanaan dasar baharu ini, ia dapat membantu menjimatkan kos pengambilan Lesen Memandu Malaysia sebanyak RM100," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Loke memaklumkan, beliau sudah menyampaikan pandangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhubung kerja pengubahsuaian dan pembinaan jambatan di Bulatan Loke Yew.

Katanya, sudah pasti penutupan beberapa laluan disebabkan projek terbabit akan menyebabkan berlakunya kesesakan teruk.

"Saya sudah sampaikan pandangan kepada Perdana Menteri untuk mengkaji semula keputusan penutupan jalan dan kita memberikan pandangan kerana sudah pasti ia akan menyebabkan berlakunya kesesakan lebih teruk.

"Ahli Parlimen setempat juga sudah menyampaikan pandangan dan membantah pelaksanaan projek itu kerana dilihat tidak mampu menyelesaikan masalah kesesakan.

"Bagaimanapun, keputusannya tetap terpulang kepada Perdana Menteri untuk memutuskan masa depan projek berkenaan," katanya.

BH hari ini melaporkan beberapa laluan di ibu negara akan ditutup mulai Sabtu (5 Ogos) ini hingga 4 Ogos tahun depan bagi membolehkan kerja pengubahsuaian dan pembinaan jambatan di Bulatan Loke Yew.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan berkata, jalan yang akan ditutup ialah Jalan Sungai Besi menghala ke Sungai Besi atau Petaling Jaya (berhadapan Fraser Business Park) dan Bulatan Loke Yew.

Menurut kenyataan itu, sebagai laluan alternatif, pengguna boleh menggunakan lencongan trafik, iaitu dari Bulatan Kampung Pandan untuk ke Sungai Besi atau Petaling Jaya yang akan dilencongkan kepada dua bahagian, iaitu melalui jalan bersebelahan Federal Bakery dan memasuki laluan kontra di lorong bersebelahan.